



(<https://www.upm.edu.my>)

Selamat Datang Ke Laman Portal

Universiti Putra Malaysia



(<https://www.malaysia.gov.my/portal/index>)

AKADEMIK (/akademik-15) PENYELIDIKAN (/penyelidikan-3) JARINGAN (/jaringan-16) ANTARABANGSA (/antarabangsa-2)
PERKHIDMATAN (/perkhidmatan-19) KEHIDUPAN KAMPUS (/kehidupan_kampus-18)

[Home](#) (/) » [BERITA](#) (/BERITA) » [UPM - FELDA rintis 6 kerjasama pintar pertanian](#)

[Senarai Berita](#) (/berita)

UPM - FELDA rintis 6 kerjasama pintar pertanian

Oleh: Nor Azizah Ismail



SUNGKAI, 8 Julai – FELDA dan Universiti Putra Malaysia (UPM) merintis enam kerjasama pintar untuk menyokong agenda sekuriti makanan negara dan melahirkan usahawantani yang mampu meningkatkan pendapatan peneroka FELDA.

Enam program kerjasama FELDA yang diketuai pakar dari UPM ialah Program Pembangunan Usahawantani, Lembah Lembu Pedaging FELDA, Program Diversifikasi Tanaman FELDA, Aplikasi Pertanian Pintar dalam Peningkatan Produktiviti, Program Inisiatif Herba FELDA dan Projek Peningkatan Produktiviti Akuakultur FELDA.

Kesemua projek tersebut dapat meningkatkan keupayaan penghasilan dalam industri perladangan dan sekuriti makanan.

Memorandum persefahaman UPM-FELDA berupaya memperkembangkan kerjasama dan manfaat penyelidikan antara kedua-dua pihak.

MoU itu ditandatangani oleh Prof. Datin Paduka Setia Dato' Dr. Aini Ideris bagi UPM, manakala Felda oleh Pengarah Besarinya, Dato' Dr. Othman Omar telah disaksikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin di MRSM FELDA Trolak, sempena Sambutan Hari Peneroka FELDA 2020 Peringkat Kebangsaan pada 7 Julai 2020.

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof. Dato' Dr. Zulkifli Idrus.

Dalam program usahawantani yang dicadangkan oleh UPM, dijangka peneroka yang terlibat akan dapat meningkatkan kecekapan dalam bidang keusahawantani yang diceburi melalui amalan pertanian baik menerusi bimbingan dan khidmat nasihat daripada pakar UPM.

Perdana Menteri yakin kerjasama UPM – Felda mampu membantu melahirkan para usahawan Felda yang berjaya, mewujudkan peluang pekerjaan baharu dan meningkatkan pendapatan peneroka FELDA.

"FELDA dengan kerjasama UPM akan mengenal pasti 15 projek keusahawanan bernilai tinggi untuk dilaksanakan di kawasan rancangan FELDA dengan penglibatan warga FELDA," kata Perdana Menteri.

"Kerjasama ini mensasarkan 3,170 usahawan baru dalam tempoh 5 bulan dengan menggunakan fasiliti di Fakulti Pertanian, UPM," ujar beliau.

Perdana Menteri turut melancarkan program Lembah Herba FELDA yang turut selari dengan cadangan UPM bagi Program Inisiatif Herba FELDA.

Entiti Kami

LIHAT JUGA
Dokumen



Universiti Putra
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
☎ +603-9769
☎ +603 8948
@ marketing



- Entiti Kami
- Dokumen
- Newsletter
- Tetapan

Dekan Fakulti Pertanian UPM, Prof. Dr. Abdul Shukur Juraimi berkata untuk memastikan pengeluaran herba dan penjaan pendapatan tinggi yang berterusan, FELDA perlu membangunkan Taman Teknologi Herba (TTH).

“Di dalam Lembah Herba FELDA perlu mempunyai berbagai peranan dan fungsi bagi memperkemas dan memantapkan aktiviti industri herba setempat mengikut pencatutan rantaian nilai herba, di samping menjadi taman pengumpulan dan pemberi perkhidmatan bukan sahaja kepada peneroka tetapi juga masyarakat sekeliling di Malaysia,” katanya.

Perdana Menteri turut berkesempatan melawat tapak pameran UPM yang mempamerkan enam projek kerjasama seperti hasil pokok herba, dron pertanian, Putra Red tilapia, Ganocare, E-Cutter dan Chewable and Nutritious Moringa Oleifera Leaves Tablets, yang dihasilkan oleh penyelidik UPM. Produk penyelidikan tersebut telah bersedia untuk dikomersilkan kepada pihak industri untuk memberi manfaat kepada masyarakat. - UPM

Tarikh Input: 21/07/2020 | Kemaskini: 21/07/2020 | hairul_nizam

PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fupm_felda_rintis_6_kerjasama_pintar_pertanian-57608&title=UPM%20-%20FELDA%20Rintis%206%20Kerjasama%20Pintar%20Pertanian%207C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
 (/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia
 43400 UPM Serdang Selangor Darul Ehsan MALAYSIA
 ☎ +603-9769 1000
 📠 +603 8948 7273
 ✉ marketing@upm.edu.my
TALIAN KECEMASAN
 BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
 03-9769 7990 | 03-9769 7470 | 03-9769 1999

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar Negara (<http://bursar1.upm.edu.my/spln/>)
 Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (<http://www.sisman.upm.edu.my/>)
 KM Portal (<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home>)
 Jawatan Kosong (<http://spj.upm.edu.my/>)
 Sistem Baik Pulih ICT (<http://zonict.upm.edu.my/>)
 Putra Learning Hub (<http://learninghub.upm.edu.my/>)
 Sistem Pengurusan Perubatan (<http://regmedic.upm.edu.my/>)
 Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)
 i-GIMS (staf) (<http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp>)
 i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (<http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/>)
 Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (<http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup>)

PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia (<http://www.moe.gov.my/>)
 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (<http://www.ptptn.gov.my>)
 Multimedia Super Corridor (<https://mdec.my/msc-malaysia/>)
 Portal myGovernment (<https://www.malaysia.gov.my/en/home>)
 Agensi Kelayakan Malaysia (<http://www.mqa.gov.my/>)

PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (entiti)
 Statistik Transaksi Laman Web (<http://www.upm.edu.my/statistik>)
 Tender & Kontrak (<http://etender.upm.edu.my/>)
 Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/maklumat_korporat/8202)
 Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai_kami/dasar)
 Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)
 Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm.edu.my>)
 Penerbitan UPM (<http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan>)
 Takwim UPM 2020 (<https://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20200218095115TA2.pdf>)

Dasar Privasi (footnote/dasar_privasi-29949)
 Hakcipta (footnote/hakcipta-29950) RSS ([/rss](http://footnote/rss))
 Penafian (footnote/penafian-29938) Bantuan (footnote/bantuan-29937)
 UPM online (footnote/upm_online-38695)
 Dasar Keselamatan (footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2020 Universiti Putra Malaysia



LANGGAN MELALUI EMAIL **HANTAR**